

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.11.2015

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat 30-9-2015, apakah perbezaan hasil sebenar yang dikutip oleh Kerajaan dari pengeluaran minyak berbanding dengan hasil anggaran itu yang dibuat dalam bajet 2015, khususnya akibat daripada penurunan harga minyak antarabangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga minyak mentah dunia yang kekal rendah sejak akhir tahun 2014 telah memberi kesan kepada kutipan hasil Kerajaan Persekutuan khususnya hasil berkaitan petroleum. Oleh itu, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah

Brent bagi tahun 2015, daripada USD100 (andaian asal) setong kepada USD50 setong. Dengan harga minyak mentah yang lebih rendah ini, hasil berkaitan petroleum pada tahun 2015 dianggar berjumlah RM43.9 bilion berbanding anggaran asal iaitu RM62.4 bilion. Sehingga 30 September 2015, hasil berkaitan petroleum adalah sebanyak RM37.6 bilion, iaitu 85.6% daripada anggaran disemak hasil berkaitan petroleum 2015.